

Tidak adil beri wang disifatkan rasuah

KUALA LUMPUR 27 Ogos - Tindakan Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali menyamakan pemberian tunai seperti Bantuan Rakyat Malaysia (BR1M) dengan amalan rasuah disifatkan sebagai tidak adil kepada penerima bantuan berkenaan.

Naib Canselor Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), **Prof. Tan Sri Dr. Noor Azlan Ghazali** berpendapat, pemberi mungkin mempunyai pelbagai niat di sebalik pengagihan bantuan, namun bagi penerima terutama golongan berpendapatan rendah (B40), jumlah yang diterima sedikit sebanyak dapat mengurangkan beban kewangan.

"(BR1M) tak perlu dihapuskan tetapi kerajaan baharu hanya perlu meneliti dan menyusun semula program bantuan itu dengan memastikan matlamat asal tercapai supaya kita dapat lihat keberkesanannya," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* selepas melancarkan majlis Sambutan Bulan Kemerdekaan UKM di Bangi, dekat sini hari ini.

Pengerusi Institut Strategi dan Kepimpinan Asia (ASLI), **Tan**

Sri Dr. Ramon Navaratnam berkata, Mohamed Azmin tidak seharusnya melakukan dakwaan sedemikian sebaliknya perlu menyertakan bukti kukuh dan memberi penerangan mengapa pemberian tunai itu dikatakan sebagai rasuah.



NOOR AZLAN

Katanya, BR1M merupakan sebuah program kebajikan terbaik untuk membantu rakyat yang memerlukan tidak mengira bangsa dan agama se-

kali gus dapat meningkatkan perpaduan kaum,

"Saya tidak bersetuju jika BR1M dihapuskan melainkan kerajaan mewujudkan program gantian kerana program seumpama itu boleh mengurangkan tahap kemiskinan. Cumanya, pemberian bantuan perlu dikaji semula, mungkin menggantikan wang tunai dengan baucar untuk pembelian barangan keperluan," katanya.

Sementara itu, Pensyarah Kanan Fakulti Syariah & Undang-Undang Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), **Dr. Muzaffar Syah Mallow** berkata, tuduhan bahawa BR1M adalah rasuah perlu disertakan dengan bukti yang kukuh kerana tuduhan rasuah

adalah perbuatan jenayah yang serius.

"BR1M tidak boleh dikatakan sebagai rasuah kerana bertujuan untuk membantu meringankan beban golongan yang memerlukan, hal ini berbeza dengan rasuah yang diketahui umum sebagai pemberian suapan sebagai upah atau dorongan untuk seseorang individu kerana melakukan atau tidak melakukan sesuatu perbuatan yang berkaitan dengan tugas rasmi.

"Sekiranya BR1M dianggap sebagai satu bentuk rasuah, laporan segera perlu dibuat kepada pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) supaya siasatan terperinci dapat dilakukan," katanya di sini hari ini.

Presiden Pemerhati Rasuah Malaysia (MCW), **Jais Abdul Karim** berkata, mengapa baru hari ini timbul BR1M sebagai rasuah, sedangkan ketika Dr. Mahathir memerintah dahulu, pemberian telah wujud namun hanya menggunakan nama lain sahaja.

"Kalau betul dikatakan pemberian ini sebagai rasuah, kenapa Barisan Nasional (BN) boleh kalah dalam Pilihan Raya Umum Ke-14 yang lepas? Sepatutnya BN tidak kalah kerana semua penerima BR1M perlu memilih parti tersebut," katanya.